



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
(Ministry of Health Malaysia)
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9 & 10, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8000 8000
Web : www.moh.gov.my

Ruj. Kami : KKM.S.500-2/30/18 Jld.4 (4)
Tarikh : 7 Julai 2025

SEPERTI DI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

URUSAN KENAIKAN PANGKAT BAGI SKIM PERKHIDMATAN JURUTERAPI PERGIGIAN GRED U5 (U29) KE GRED U6 (U32) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Sumber Manusia (BSM) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan **Juruterapi Pergigian Gred U6 (U32)** dan tawaran ini terbuka hanya kepada Juruterapi Pergigian Gred U5 (U29) yang sedang memangku Gred U6 (U32) mulai **17.10.2024**. Senarai nama pegawai yang telah dikenal pasti untuk dipertimbangkan dalam urusan ini adalah seperti di **Lampiran A**. Tawaran ini juga terbuka kepada pegawai yang telah memangku Gred U6 (U32) **melebihi enam (6) bulan tetapi tiada dalam senarai nama yang dilampirkan**.

3. Bagi melaksanakan urusan ini, dimohon kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk mengemukakan maklumat sebagaimana yang diperlukan seperti perincian berikut:

- (a) **Cabutan Buku Rekod Perkhidmatan mulai 01 Januari 2023** : 1 salinan
- (b) **Borang NP(S) 8.2 Pindaan 2023** : 1 salinan
- (c) **Pengesahan Markah Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Tahun 2022, Tahun 2023, Tahun 2024 dan Laporan Nilai Prestasi Khas (LNPK) Tahun 2025** : 1 salinan

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659



CERTIFIED TO ISO 9001 :2015
CERT NO : QMS 03659

4. Sekiranya pegawai yang terlibat membuat penangguhan melaporkan diri dalam urusan pemangkuhan ke Gred U6 (U32), dimohon agar mengemukakan sesalinan **surat kebenaran penangguhan** oleh Ketua Jabatan. Sekiranya pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan tidak memperakukan kenaikan pangkat pegawai berkenaan, perakuan secara bertulis berserta salinan dokumen sokongan yang berkaitan perlu dikemukakan kepada BSM, KKM.

5. **Tarikh tutup permohonan** bagi urusan kenaikan pangkat ini adalah pada **04 Ogos 2025 (Isnin)**. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan dalam memastikan semua dokumen adalah lengkap sebagaimana senarai semak di **Lampiran B** dan dikemukakan pada tarikh yang ditetapkan amatlah dihargai. Dimaklumkan juga surat edaran/ iklan dan borang berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat ini boleh dimuat turun melalui portal rasmi KKM atau diakses melalui Kod Pautan Pantas (Kod QR) berikut:



6. Dokumen perakuan kenaikan pangkat bagi urusan ini hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

Bahagian Sumber Manusia
Unit Naik Pangkat (Sokongan)
Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 9, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 W. P. PUTRAJAYA
(u.p.: Puan Nurul Fatimah binti Zainal Abidin)

7. Sukacita diingatkan juga dalam pertimbangan sesuatu urusan kenaikan pangkat, adalah menjadi tanggungjawab pihak YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan untuk memastikan **perakuan Penyelia dan Ketua Jabatan dilaksanakan secara telus mengikut peraturan yang sedang berkuat kuasa**. Untuk makluman, LKP I KKM memandang serius perkara ini dan memutuskan agar surat teguran diberikan kepada mana-mana penyelia dan Ketua Jabatan yang membuat perakuan pemangkuhan/ kenaikan pangkat yang tidak selari dengan prestasi semasa pegawai.

8. **Ketua Jabatan** juga **bertanggungjawab** memastikan **tindakan tatatertib bagi** pegawai yang mempunyai rekod Tidak Hadir Bertugas (THB) **telah selesai dilaksanakan**. Laporan tindakan tatatertib hendaklah dimaklumkan pada urus setia dengan segera supaya urusan pengesahan kenaikan pangkat pegawai tidak terjejas.

9. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato' Indera/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Dr./ tuan/ puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAJA SURIATI BINTI RAJA SULAIMAN)

Bahagian Sumber Manusia

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN:

- | | |
|--|--|
| - Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan | Mohon panjangkan ke semua
Bahagian/Jabatan di IPKKM |
| - Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Latihan | Mohon panjangkan ke
semua institusi latihan KKM
di bawah BPL |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kedah | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perlis | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Perak | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Melaka | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Johor | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu | |
| - Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan | |
| - Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya | |
| - Pengarah
Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan | |

SENARAI EDARAN

- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
- Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
- Pengarah
Hospital Kuala Lumpur
- Pengarah
Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur
- Pengarah
Institut Perubatan Respiratori
- Pengurus
Institut Kesihatan Negara (NIH)
- Pengarah
Institut Kanser Negara
- Pengarah
Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Darah Negara
- Pengarah
Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan
- Pengarah
Pusat Pergigian Kanak-kanak & Kolej Latihan Pergigian Malaysia

LAMPIRAN A

**SENARAI NAMA PEGAWAI URUSAN PENGESAHAN KENAIKAN PANGKAT
JAWATAN JURUTERAPI PERGIGIAN GRED U29 (U5) KE GRED U32 (U6)
(TARIKH MEMANGKU : 17 OKTOBER 2024)**

BIL.	NAMA	PENEMPATAN
1	IZZATI BINTI MAKHIR	JKN KEDAH
2	ATIKAH BINTI AHMAD FAUZI	JKN KEDAH
3	AAINAA BINTI ABDUL RAHIM	JKN PULAU PINANG
4	FASIAH BINTI ALIAS	JKN PULAU PINANG
5	NOR HASLINDA BINTI ABDULLAH	JKN PULAU PINANG
6	SITI ROBAAN BINTI SHAFII	JKN PERAK
7	NOR AZAWATI BINTI ABDUL AZIZ	JKN PERAK
8	AZLIFAH BINTI ALI	JKN SELANGOR
9	SITI NOR HAJAR BINTI CHE BUSU	JKN SELANGOR
10	SITI NORBAYAH BINTI NORDIN	JKN SELANGOR
11	NOREZWIN BINTI BADRI HISHAM	JKN SELANGOR
12	AIFAA BINTI ABDUL RAHIM	JKN SELANGOR
13	NOOR FARAHIN BINTI SULAIMAN	JKN SELANGOR
14	ROSYATI BINTI SABRI	JKN SELANGOR
15	NOOR HAFIZAH BINTI MUSTAFFA	JKN TERENGGANU
16	FAUZIAH BINTI MOHAMAD	JKN TERENGGANU
17	NURUL MASITAH BINTI MOHD NOOR	JKN SARAWAK
18	LING MING JIE	JKN SARAWAK

DISAHKAN OLEH :



NAMA : Nurul Fatimah Binti Zainal Abidin
 JAWATAN : Penolong Pegawai Tadbir N5
 Unit Naik Pangkat Pelaksana (NPS)
 Bahagian Sumber Manusia
 Kementerian Kesihatan Malaysia

TARIKH : 02/07/2025